

**MEMO ASRAMA PELAJAR
MAKLUMAN BERKAITAN URUSAN HAL EHWAL PELAJAR
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

KEPADA : PENGHUNI ASRAMA PICOMS

DARIPADA : JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI (HEPA)

SALINAN :

- 1. Naib Canselor PICOMS**
- 2. Timbalan Naib Canselor (Akademik)**
- 3. Pendaftar**
- 4. Bendahari**
- 5. Dekan Fakulti**
- 6. Pengarah Pusat Pengajian**
- 7. Jawatankuasa Sekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**
- 8. Jawatankuasa Penilaian Asrama**
- 9. Unit Penempatan HEPA**
- 10. Warden**

Merujuk pengumuman daripada YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 (Ahad) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang akan bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 dan Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan kemasukan pelajar ke kampus.

Pengurusan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS telah menetapkan bahawa tempoh pengambilan barang seterusnya mengosongkan bilik bermula 15 Jun 2020 sehingga 25 Jun 2020.

Kerja-kerja sanitasi dan penyenggaraan di bangunan asrama akan dijalankan sepanjang tempoh ketiadaan pelajar di asrama. Selain itu, Unit Penempatan juga akan memulakan kaedah pengurusan asrama secara daftar masuk dan daftar keluar pada setiap semester pelajar.

Sehubungan dengan itu, berikut adalah beberapa perkara yang melibatkan urusan hal ehwal pelajar untuk makluman semua:



1. Pengambilan Barang/Alatan Pelajar di Penempatan Asrama:

- i. Semua pelajar yang menginap di asrama dibenarkan untuk mengambil barang/peralatan di bilik masing-masing mulai 15hb Jun 2020 sehingga 25hb Jun 2020 kecuali bagi pelajar **Sabah/Sarawak**.
- ii. Bagi pelajar-pelajar yang berada di Sabah dan Sarawak tidak perlu untuk pulang ke asrama untuk tujuan tersebut. Pihak PICOMS akan mengemas barang/peralatan pelajar di dalam kotak yang akan dilakukan mulai 01 Julai 2020. Pemakluman kepada pelajar terlibat (Sabah dan Sarawak) akan dibuat sebelum proses pembungkusan barang/peralatan tersebut dilaksanakan.
- iii. Pengosongan barang/peralatan di bilik pelajar perlu dilakukan sebelum 25 Jun 2020. Bagi mana-mana pelajar yang tidak mengosongkan bilik mengikut tempoh yang ditetapkan **maka kompaun akan dikenakan** mulai 26 Jun 2020 sehingga pelajar menyerahkan kunci dan mendaftar keluar daripada asrama.
- iv. Bagi pelajar-pelajar yang akan mengambil barang/alatan di asrama, anda diminta untuk mematuhi langkah-langkah seperti di **LAMPIRAN I**.

2. Kebenaran Pulang ke Kampus bagi Kategori Pelajar Berkeperluan

- i. Hanya kategori pelajar berkeperluan seperti berikut sahaja dibenarkan untuk pulang ke kolej (**SILA RUJUK PIHAK FAKULTI**).

KATEGORI PELAJAR	PERINCIAN
Kategori II Pelajar tahun akhir yang akan menjalani latihan klinikal.	Tarikh dibenarkan pulang bermula 27 Jun 2020
Kategori III Pelajar tahun akhir yang memerlukan akses yang kondusif bagi PdP, kuliah dan sesi amali secara bersemuka dan dalam talian.	Tarikh dibenarkan pulang bermula 3 Julai 2020
Kategori V Pelajar baharu sesi akademik 2020/2021 kuliah dan sesi amali secara bersemuka dan dalam talian.	Tarikh dibenarkan pulang bermula 3 Julai 2020

***Semua Kategori Pelajar Berkeperluan diatas perlulah mendapatkan memo kebenaran pulang ke kolej dari pihak Fakulti masing-masing.**

- ii. Manakala bagi pelajar yang tiada dalam “Kategori Pelajar Berkeperluan” seperti yang dinyatakan diatas **perlu mengosongkan asrama** dan **tidak dibenarkan** untuk menginap di asrama sehingga dimaklumkan oleh pihak kolej.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelajar boleh hubungi kami ditalian seperti berikut:

KAUNTER PEJABAT JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)

Waktu Operasi : 9.00 pagi – 4.00 petang | Isnin – Jumaat (Tutup Pada Cuti Umum, Sabtu dan Ahad)

Tarikh dikeluarkan: 12 Jun 2020 (Jumaat)



LAMPIRAN I

LANGKAH	PERKARA	TINDAKAN
Langkah 1 : Pengambilan Barang / Peralatan Di Asrama	Membuat permohonan melalui link berikut https://bit.ly/PKPP_asrama_PICOMS	Pelajar
Langkah 2 : Kelulusan HEPA	HEPA akan mengeluarkan kelulusan melalui email (sila pastikan email yang diberikan adalah betul)	Unit Penempatan HEPA
Langkah 3 : Menghubungi Warden Asrama	Pelajar diminta untuk menghubungi Warden untuk menetapkan tarikh dan masa pengambilan barang/peralatan. *Pengambilan barang/peralatan hanya dibenarkan pada hari Isnin hingga Ahad bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.	Pelajar dan Warden Asrama
Langkah 4 : Lapor Diri Di Pondok Pengawal Keselamatan (Pemeriksaan Suhu Badan)	Pelajar perlu melapor diri di Pondok Pengawal Keselamatan untuk pemeriksaan suhu badan dan menunjukkan surat kelulusan dari pihak HEPA di Pintu Masuk asrama PICOMS sebelum dibenarkan memasuki premis.	Pelajar dan Pengawal Keselamatan
Langkah 5 : Pengosongan Unit	Pelajar diminta untuk mengambil semua barang/peralatan di bilik masing-masing dan memastikan bilik ditinggalkan dalam keadaan yang bersih dan teratur. *Bilik yang ditinggalkan dalam keadaan kotor akan dikenakan kompaun sebanyak RM50.00	Pelajar dan Warden Asrama
Langkah 6 : Daftar Keluar Asrama	Selesai mengambil semua barang/alatan, pelajar dikehendaki menyerahkan kunci dan mengisi borang keluar asrama di Pondok Pengawal Keselamatan. *Bagi mana-mana pelajar yang tidak mengisi borang keluar asrama caj yuran penginapan akan dikenakan mengikut jumlah hari sehingga kunci diserahkan sepenuhnya kepada pihak HEPA	Pelajar dan Pengawal Keselamatan
Langkah 7 : Meninggalkan Kawasan Asrama	Pelajar diminta untuk meninggalkan asrama pada hari sama setelah selesai proses pengambilan barang/peralatan dan mengisi borang keluar asrama. Pelajar TIDAK DIBENARKAN bermalam di Asrama.	Pelajar

